

Pelanggan yang dihormati,

Helaian Pendedahan Produk ini memberikan anda maklumat penting tentang insurans hayat anda.

Pelanggan lain telah membaca Helaian Pendedahan Produk ini dan mendapati ia membantu; **anda harus membacanya juga.**

Tarikh: 07/10/2025

1 Apa itu Smart Golden Life?

Ini adalah produk insurans. **Smart Golden Life** menyediakan perlindungan insurans untuk **50** tahun. Ia membayar manfaat kematian dan manfaat Hilang Upaya Menyeluruh & Kekal (HUMK) secara sekaligus sepanjang tempoh polisi. Ia juga menyediakan Bayaran Tunai Terjamin (BTT) tahunan, manfaat matang dan manfaat retirement celebration (jika ada).

2 Ketahui Perlindungan/Manfaat Anda

Sebagai ilustrasi, untuk RM217,505.00 tahunan, anda akan menerima perlindungan/manfaat insurans hayat berikut.

1	Manfaat Kematian	i) RM500,000; atau ii) 110% daripada jumlah premium yang diterima oleh kami tolak sebarang BTT dan manfaat retirement celebration (jika ada) yang telah dibayar; atau iii) Nilai serahan; mana-mana yang paling tinggi.						
2	Manfaat Pengecualian Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (HUMK)	Premium pada masa hadapan bagi polisi ini akan dikecualikan apabila orang asal yang diinsuranskan mengalami HUMK sebelum tahun polisi pada umur 70. Polisi ini tidak akan ditamatkan selepas pengecualian premium dan manfaat lain akan terus dibayar setelah itu.						
3	Manfaat Bayaran Tunai Terjamin (BTT)	Bayaran tahunan bermula dari penghujung tahun pertama polisi sehingga polisi matang pada umur 80 tahun: <table><tr><th>Jadual BTT Tahunan</th><th>% daripada Jumlah Yang Diinsuranskan</th></tr><tr><td>Bermula dari penghujung tahun pertama polisi</td><td>5%</td></tr><tr><td>Bermula dari penghujung tahun polisi bagi umur 61 (hari lahir berikutnya)</td><td>10%</td></tr></table> Anda boleh memilih untuk menerima BTT atau menyimpan amaun tersebut dengan kami, dan mengumpulkannya dengan faedah. Faedah tidak dijamin dan tertakluk kepada kadar faedah semasa seperti yang ditentukan oleh kami.	Jadual BTT Tahunan	% daripada Jumlah Yang Diinsuranskan	Bermula dari penghujung tahun pertama polisi	5%	Bermula dari penghujung tahun polisi bagi umur 61 (hari lahir berikutnya)	10%
Jadual BTT Tahunan	% daripada Jumlah Yang Diinsuranskan							
Bermula dari penghujung tahun pertama polisi	5%							
Bermula dari penghujung tahun polisi bagi umur 61 (hari lahir berikutnya)	10%							
4	Manfaat Retirement Celebration	RM250,000.00 akan dibayar secara sekaligus pada penghujung tahun polisi semasa orang yang diinsuranskan berumur 60 tahun.						
5	Manfaat Matang	RM550,000 akan dibayar secara sekaligus. Pulangan tahunan untuk manfaat dijamin (manfaat bayaran tunai terjamin, manfaat retirement celebration (jika ada) dan manfaat matang) adalah 2.94%. Premium yang anda bayar menyumbang kepada kedua-dua elemen simpanan dan perlindungan produk, contohnya manfaat kematian. Jika anda sedang mencari produk kewangan dengan unsur simpanan, anda mungkin ingin membandingkan pulangan tahunan produk ini dengan pulangan efektif alternatif-alternatif pelaburan yang lain.						
6	Manfaat Serahan	Nilai serahan, jika ada, akan dibayar.						

Peringatan: Sila rujuk ilustrasi jualan untuk butiran-butiran produk ini. Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi kami atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Insurans hayat anda mengecualikan:

- * Bunuh diri – sekiranya kematian akibat bunuh diri dalam tempoh 1 tahun dari tarikh pengeluaran atau tarikh pengembalian semula yang terkini.
- * Kematian atau HUMK yang bukan disebabkan oleh kemalangan dalam tempoh 2 tahun dari tarikh pengeluaran.
- * HUMK yang berlaku secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh mana-mana yang berikut:
 - a) Kecelakaan diri yang disengajakan, atau cubaan membunuh diri;
 - b) Penyertaan di dalam apa-apa perbuatan jenayah atau menyalahi undang-undang, mogok, rusuhan, keganasan atau kekecohan awam.

Nota: Senarai ini adalah **tidak menyeluruh**. Anda perlu merujuk kepada polisi untuk senarai pengecualian yang lengkap.

Jika anda mempunyai sebarang soalan atau memerlukan bantuan mengenai insurans hayat anda, anda boleh:

 Hubungi kami di 1-300-88-6688 (Perkhidmatan Pelanggan Kumpulan Maybank)	 Lawati kami di laman web ini ¹	 E-mel kami di info@etiqa.com.my	 Imbas kod QR
---	--	--	---

¹<https://www.maybank2u.com.my/maybank2u/malaysia/en/personal/insurance/retirement/smart-golden-life-insurance.page>

3 Ketahui Kewajipan Anda

Untuk insurans hayat anda, anda mesti membayar premium sebanyak:	
Premium	RM217,505.00 tahunan
Tempoh: Sehingga umur 80 tahun.	
Anda juga perlu membayar fi dan caj berikut:	
Duti Setem	RM10 akan dibayar oleh kami
Jumlah Komisen	5.00% daripada jumlah premium atau RM54,376.25
Caj-caj Lain Yang Dikenakan	Tidak dikenakan

4 Syarat Utama Lain

- * Anda mesti mendedahkan semua fakta material seperti keadaan perubatan dan menyatakan umur anda dengan betul bagi membantu kami membuat keputusan yang betul untuk menerima risiko dan menentukan kadar dan terma polisi anda. Jika sebaliknya, anda mungkin berisiko mengakibatkan polisi anda terbatal, tuntutan anda ditolak, atau terma dan syarat polisi diubah.
- * Anda harus memastikan bahawa pelan ini memenuhi keperluan anda dan anda mampu membayar premiumnya.
- * Tempoh tangguh – Tempoh masa tambahan yang diberikan kepada anda untuk membayar premium yang perlu dibayar. Tempoh tangguh di bawah polisi ini adalah 31 hari dari tarikh premium yang perlu dibayar.
- * Pinjaman premium automatik akan diaktifkan secara automatik apabila premium tertunggak masih belum dibayar pada penghujung tempoh tangguh, dengan syarat polisi telah memperoleh nilai serahan untuk menolak premium yang belum dibayar. Polisi akan terus berkuatkuasa selagi baki nilai serahan mencukupi untuk membuat pembayaran tersebut.

Nota: Senarai ini adalah **tidak menyeluruh**. Anda perlu merujuk kepada polisi untuk senarai terma dan syarat yang lengkap.

? Bolehkan saya membatalkan polisi saya?

Ya, anda boleh membatalkan polisi anda dengan memberikan arahan bertulis kepada kami.

- **Tempoh percuma:** Anda boleh membatalkan polisi dengan memberi arahan bertulis kepada kami dalam tempoh 15 hari selepas polisi diterima oleh anda. Premium yang telah anda bayar (tolak sebarang fi pemeriksaan perubatan yang ditanggung) akan dipulangkan kepada anda.
- **Selepas tempoh percuma:** Anda boleh membatalkan polisi anda dengan mengembalikan polisi kepada kami berserta permohonan serahan secara bertulis. Nilai serahan tunai (jika ada) akan dibayar kepada anda.

Pengakuan Pelanggan*

Pastikan anda mengisi bahagian ini sendiri dan anda faham tujuan tandatangan anda.

- ☐ Saya mengakui bahawa Etiqa Life Insurance Berhad telah memberikan saya salinan Helaian Pendedahan Produk bagi Smart Golden Life.
- ☐ Saya telah membaca dan memahami maklumat utama yang terkandung dalam Helaian Pendedahan Produk ini bagi Smart Golden Life.

* Pengakuan pelanggan terhadap Helaian Pendedahan Produk ini tidak akan menjejaskan haknya untuk mendapatkan ganti rugi sekiranya berlaku pertikaian seterusnya mengenai terma dan syarat produk.

Nama:

Tarikh:

LAMPIRAN – ILUSTRASI KOMISEN BAGI SMART GOLDEN LIFE

Sebahagian daripada premium yang telah dibayar akan digunakan untuk membayar komisen seperti yang diilustrasikan didalam jadual dibawah:

Tahun Polisi	Bahagian Premium yang Ditolak untuk Komisen (%)	Amaun (RM)
1	10.00	21,750.50
2	5.00	10,875.25
3	5.00	10,875.25
4	2.50	5,437.63
5	2.50	5,437.63

* Komisen tambahan mungkin akan dibayar sebagai bonus prestasi kepada pengedar, sekiranya mereka memenuhi syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan oleh syarikat insurans.